

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HGM 334 - Geografi Penduduk

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 2.45 ptg - 5.45 ptg  
( 3 Jam )

Jawab TIGA(3) soalan.

SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan DUA(2) yang lain.

Soalan No. 1 akan membawa 40 markah dan soalan-soalan lain 30 markah setiap soalan.

1. Jawab dua(2) daripada yang berikut:

- (a) Dengan merujuk kepada kajian-kajian oleh Zelinsky: "A Prologue to Population Geography" dan Wilson: "Population Geography", bezakan dan bandingkan pendekatan dan cara yang digunakan dalam kajian mereka untuk menerangkan taburan penduduk ruang sedunia.
  - (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana data-data daripada Banci Penduduk Malaysia boleh digunakan dalam kajian-kajian geografi penduduk.
  - (c) Pilih tiga(3) ukuran kepadatan penduduk atau tiga(3) ukuran fertiliti dan bincangkan kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan tiap-tiap ukuran tersebut.
  - (d) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan masalah-masalah yang muncul dalam sesuatu masyarakat yang mempunyai nisbah jantina yang tidak seimbang.
  - (e) Secara kritis, bincangkan kesesuaian Model Peralihan Demografik sebagai satu penerangan bagi proses perubahan penduduk yang berlaku di negara-negara membangun sejak tahun 1945.
2. Dengan merujuk kepada artikel Davis dan Blake bertajuk: "Struktur Sosial dan Fertiliti, Satu Rangka Analitikal", pilih lima(5) angkubah pertengahan (intermediate variables) dan bincangkan bagaimana angkubah-angkubah ini boleh mempengaruhi fertiliti di negara-negara membangun dan negara-negara maju. Berikan contoh-contoh tertentu.

3. (a) Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bezakan dan bandingkan masalah-masalah penduduk yang biasa terdapat di negara-negara maju dan negara-negara membangun.  
(b) Adakah kes untuk menghadkan saiz keluarga bagi setiap pasangan suami-isteri di Malaysia? Bahaskan.
4. Bentangkan aliran-aliran migrasi dalaman yang berlaku dalam sesebuah negara ASEAN sejak Perang Dunia II. Dengan merujuk kepada teori E. Lee tentang proses migrasi, bincangkan apakah penyesuaian-penyesuaian yang patut dibuat tentang teori ini supaya ia dapat memberi satu penerangan yang lebih lengkap tentang proses migrasi yang berlaku dalam negara itu.
5. Tuliskan nota-nota mengenai dua(2) daripada yang berikut:
  - (a) faktor-faktor fizikal dan taburan penduduk reruang;
  - (b) sebab-sebab kadar kematian merosot di negara-negara membangun sejak tahun 1945;
  - (c) kesan-kesan dan akibat-akibat yang berlaku daripada proses imigrasi dan emigrasi bagi sesebuah negara;
  - (d) andaian-andaian asas dalam teori-teori penduduk semula jadi dan teori-teori penduduk sosial.

-oooo000ooo-